

# **Kajian Pelaksanaan Penilaian Berterusan Kursus Secara Tugasan Berkumpulan Semasa Pandemik COVID-19 di Politeknik METrO Johor Bahru**

Nurul Hana Ab Nasir<sup>1,\*</sup><sup>1</sup>Politeknik METrO Johor Bahru, No 64, Jalan Suria 19, Taman Putera, 81100, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: hana.abnasir@pmjb.edu.my

## **Abstrak**

Penilaian berterusan kursus bagi kesemua kursus diploma yang ditawarkan di Politeknik Malaysia dijalankan samada secara tugas individu atau berkumpulan. Tugasan berkumpulan melibatkan penilaian seperti main peranan, perbincangan, projek, e-folio dan pembentangan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pandangan pelajar tentang tugasan berkumpulan yang perlu diselesaikan dalam bentuk norma baharu akibat berlakunya sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PnPdt) disebabkan oleh ketetapan Prosedur Operasi Standard Perintah Kawalan Pergerakan berikutkan pandemik COVID-19. Kajian juga dijalankan untuk mengenal pasti perspektif pelajar tentang kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan membina hubungan yang diperolehi semasa menjalankan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan walaupun perbincangan dan pembahagian tugas dilakukan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapat penerimaan pelajar terhadap tugas berkumpulan adalah baik dan perlu diteruskan dengan skor min 4.22 meskipun wujud kekangan seperti gangguan internet dan kurang kerjasama dari ahli kumpulan. 95.1% pelajar berinteraksi menggunakan aplikasi WhatsApp dan 91.2% pelajar menggunakan peranti telefon pintar dalam menyelesaikan tugas. Bagi sub kemahiran kepimpinan, tanggungjawab menjalankan tugas mencatat peratusan yang tertinggi dengan 90.7% pelajar mengatakan mereka bertanggungjawab dalam menyelesaikan tugas yang telah diagihkan. Bagi sub kemahiran kerja berpasukan, 73% pelajar mengatakan kemahiran komitmen kerja mereka meningkat semasa melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan. Kesimpulannya, pelajar boleh menyesuaikan diri dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

**Kata kunci:** - *Penilaian berterusan kursus, tugas berkumpulan, pengajaran dan pembelajaran dalam talian*

## **1. Pengenalan**

Sebelum pandemik COVID -19, penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan adalah satu bentuk penilaian yang membolehkan pelajar berbincang sesama sendiri secara bersemuka dalam merangka, menyusun, menulis, membentang dan melapor apa jua tugas yang telah ditetapkan. Tugasan berkumpulan ini membolehkan pelajar secara tidak langsung belajar kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan membina hubungan. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PnPdt) dilihat sebagai satu norma baharu di mana tiada lagi perbincangan secara fizikal malahan bagi tugas main peranan contohnya pelajar beraksi secara bersendirian di hadapan kamera. Pelajar hanya berinteraksi secara dalam talian untuk menentukan agihan tugas masing-masing dan menyelesaiannya secara bersendirian sebelum akhirnya seorang wakil kumpulan mengumpulkan tugas itu di dalam satu dokumen dan dihantar untuk penilaian kepada pensyarah.

Penilaian berterusan kursus yang diberikan perlu

dikenalpasti adakah bersesuaian dengan situasi norma baharu yang dihadapi pelajar bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PnPdt). Pelajar berkemungkinan mengalami kesukaran dalam menyiapkan penilaian berterusan kursus tanpa rakan sekuliah atau rakan seasrama kerana pelajar berada di rumah masing-masing. Pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka membolehkan pelajar membantu satu sama lain semasa menyelesaikan tugas, contohnya ketika sesi kumpulan belajar yang diadakan di perpustakaan, atau pelajar boleh terus bertanya rakan semasa di kelas mahupun di asrama. Pelajar juga boleh berjumpa pensyarah untuk mendapatkan nasihat dan panduan. Walau bagaimanapun, apabila pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian, interaksi sesama pelajar mahupun pelajar dengan pensyarah wujud secara interaksi tertangguh kerana pelajar dan pensyarah tidak berada dalam talian sepanjang masa. Hal ini boleh mendatangkan tekanan bagi sesetengah pelajar. Kajian ini secara khususnya melihat penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan kerana situasi norma

baharu yang membolehkan pelajar berbincang hanya dalam talian.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan direka bentuk untuk membolehkan pelajar melakukan tugas di samping memperoleh kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan dan membina hubungan. Tugas pelajar bukan sahaja dinilai dari aspek kandungan, malahan dari pelbagai aspek lain mengikut rubrik tertentu berdasarkan hasil pembelajaran yang telah dirangka. Pandemik COVID-19 telah sama sekali merubah landskap pengajaran dan pembelajaran di mana aktiviti sosial pendidikan adalah hanya dibenarkan dijalankan dalam talian kecuali bagi kursus yang menggunakan bengkel dan makmal. Di Politeknik METrO Johor Bahru, pelajar terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan merangkumi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dan Diploma Keusahawanan. Ketiga-tiga bidang pengajian ini tidak terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kemudahan bengkel atau makmal. Sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020, sesi akademik di Politeknik METrO Johor Bahru berjalan secara dalam talian kecuali bagi pelajar semester 1 yang baru mendaftar pengajian bagi kemasukan Jun 2020 dan Disember 2020. Mereka dibenarkan berada di kampus selama 8 minggu sebelum akhirnya mereka turut meneruskan pengajian secara dalam talian.

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian amat berbeza berbanding pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dan perbezaan ini juga memberi suasana berbeza bagi pelajar dalam melaksanakan penilaian kursus. Penilaian secara individu seperti kuiz mungkin hanya berbeza dari segi penggunaan medium, tetapi penilaian secara tugas berkumpulan berbeza dari segi suasana kerja yang wujud sesama pelajar. Memetik Maimun et. al. (2021) pengajaran secara tasmik iaitu pengajaran bidang al-Quran yang melibatkan kaedah talaqqi musyafah dimana talaqqi pada istilah ialah pertemuan antara guru dan murid secara berhadapan atau bersemuka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran asuhan tilawah al-Quran bahagian hafazan dan bacaan secara individu, kumpulan dan kelas, pemantauan bacaan secara tasmik dikatakan agak sukar untuk dilaksanakan kerana apabila guru berusaha menghubungi murid melalui panggilan telefon, mesej, aplikasi “whatsApp” dan telegram, sambutan atau respon yang ditunjukkan dari pelajar adalah kurang memberangsangkan.

Ngadi (2020) menyatakan bahawa jika sebelum ini pentaksiran dijalankan secara bertulis, tetapi setelah berlakunya pembelajaran dalam talian dalam tempoh pandemik Covid-19 ini, maka kaedah

pentaksiran secara holistik yang dilihat paling ideal dalam mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar. Kajian sama turut menekankan setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar melalui medium dalam talian amat memerlukan pelajar menggunakan keupayaan pemikiran aras tinggi di dalam melaksanakan tugas tersebut. Sebagai contoh, tugasan seperti projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dahulunya boleh dijalankan di lokasi samada di rumah kebajikan atau anak yatim, kini perlu disesuaikan dengan projek yang boleh dicapai dalam talian sahaja. Ini memerlukan kreativiti pelajar dan kemahiran teknologi selain daripada kerjasama sesama ahli kumpulan.

### **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk:

- i. Mengenal pasti pandangan pelajar terhadap penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan sepanjang pandemik COVID-19.
- ii. Mengenal pasti perspektif pelajar bagi kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan membina hubungan yang diperolehi semasa menjalankan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan sepanjang pandemik COVID-19.

## **2. Latar Belakang Kajian**

### **2.1 Hasil Pembelajaran**

Menurut Muhammad Rahimi (2010), pelaksanaan pembelajaran berdasarkan hasil (OBE) memerlukan fokus dari sistem pembelajaran tradisi yang bertumpu kepada kurikulum, kepada sistem pembelajaran yang memberi tumpuan kepada pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan melalui kurikulum, kaedah penyampaian dan kaedah penilaian. Kaedah penilaian yang dilaksanakan di Politeknik Malaysia terbahagi kepada penilaian berterusan dan peperiksaan akhir. Kajian ini menumpukan kepada jenis penilaian berterusan yang melibatkan kerja kursus yang dilaksanakan secara berkumpulan. Kajian menafsirkan kerja kursus sebagai tugas teori dan amali yang dilaksanakan oleh pelajar di dalam atau di luar politeknik yang menyumbang kepada keputusan penilaian keseluruhan yang dinilai berasingan dari peperiksaan akhir. Kerja kursus tersebut boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan. Penilaian pula ialah apa juar cara pengukuran yang dijalankan pada bila-bila masa sebagai suatu cara untuk mengetahui kemajuan, kebolehan akademik atau praktis pelajar bagi tujuan hasil pembelajaran. Penilaian ini dibuat secara berterusan termasuk ujian, kuiz, tugas, projek dan

peperiksaan sama ada secara bertulis, lisan, pemerhatian atau pun amali.

Menurut Syariza (2013), setiap kursus dalam mana-mana program perlu mempunyai tiga hingga lima pernyataan hasil pembelajaran kursus yang mencakupi tiga taksonomi pembelajaran iaitu Kognitif, Psikomotor dan Afektif. Ini merujuk kepada penilaian berterusan jenis kerja berkumpulan di mana kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan dan membina hubungan dapat dinilai daripada aspek psikomotor dan juga afektif.

## **2.2 Penilaian Berterusan**

Memetik Rubiah et al., (2019), kajian Meng (1997) menyatakan penilaian berterusan merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilihat sebagai produk dan juga sebagai satu proses dalam bidang pendidikan, melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan dan keupayaan pelajar berdasarkan pada objektif yang telah ditetapkan menggunakan alat penilaian yang bersesuaian. Sabidin (2002) menegaskan pemilihan kuiz, tutorial, ujian, tugas dan amali adalah teknik-teknik penilaian berterusan bagi menghasilkan satu kombinasi sistem penilaian berterusan yang baik dalam membentuk perkembangan potensi akademik pelajar.

Kajian Rubiah et al. (2019) juga melihat potensi penilaian berterusan yang dapat menggantikan ujian akhir kerana penilaian berterusan sangat bernilai dalam diagnosis bakat dan kebolehan seseorang pelajar. Kajian sama menekankan mekanisme penilaian merupakan elemen penting yang perlu dibuat kajian bagi mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus yang ditawarkan itu boleh diterima atau sebaliknya oleh pelajar-pelajar. Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada penerimaan pelajar dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan dalam suasana norma baharu.

## **2.3 Tugasan Berkumpulan**

Mustaqimah et al. (2019) merumuskan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar dimana pensyarah hanya bertindak sebagai pemudahcara atau sebagai pembimbing sahaja, mencabar pelajar untuk berfikir sendiri. Pelajar akan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan ini lebih memudahkan pelajar memahami semua kriteria yang diperlukan di dalam rubrik.

Kajian Yusoff et al. (2019) mendapatkaedah penilaian kerja kursus seperti Projek, e-Folio, Amali Solat dan kuiz untuk kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan Islam diterima oleh para pelajar dan sangat membantu mereka untuk mendapat markah

yang tinggi. Kajian turut memetik, sebuah kursus yang baik perlulah mempunyai sistem penilaian yang baik serta berkesan di mana individu dapat belajar dengan lebih baik apabila mereka menerima maklum balas, Azhari (2012). Ia bersesuaian untuk melatih para pelajar memiliki kemahiran generik merangkumi aspek kemahiran elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti kepimpinan, kerja berkumpulan, komunikasi dan menyelesaikan masalah (Rodhiah et al., 2009).

## **2.4 Cabaran Pandemik COVID-19**

Kajian Muhammad Izuan Abd Ganii, Nur Aina Abdulahii dan Nur Hafizah Abd Aziz memetik Ngadi (2020), tiga implikasi utama dilihat menjadi cabaran besar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, iaitu kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran, pengurusan emosi serta pentaksiran secara holistik. Dapatkan ini disokong oleh kajian Hassan et al. (2021) yang juga menuntut kajian menyeluruh setiap aspek tentang pembelajaran dalam talian adalah perlu kerana pembelajaran dalam talian di kolej komuniti masih dalam peringkat awal terutamanya pelaksanaan pentaksiran secara holistik.

Huzaimi et al. (2020) menyifatkan transformasi pentaksiran merupakan satu proses perubahan ke arah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, kajian ini bertindak sebagai kajian awal yang meninjau pelaksanaan penilaian berterusan secara tugas berkumpulan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

## **3. Metodologi Kajian**

Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan analisa secara deskriptif untuk mengenal pasti pandangan pelajar terhadap pelaksanaan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Data deskriptif dikumpulkan dengan cara dalam talian, di mana penyelidik menyediakan soal selidik dan menyebarkan pautan borang soal selidik kepada responden. Seramai 226 responden memberikan maklum balas menepati jumlah populasi dan sampel seperti yang ditetapkan dalam jadual penentuan sampel Krijcie dan Morgan (1970) melibatkan kesemua pelajar Politeknik METRJ Johor Bahru bagi sesi akademik Disember 2020. Pembinaan set soal selidik kajian adalah berdasarkan kajian set-set soal selidik yang terdahulu. Penggunaan skala Likert dalam soal selidik adalah bertujuan untuk mengetahui pandangan responden terhadap pernyataan yang dikemukakan. Terdapat 35 soalan yang terbahagi kepada aspek demografi, pandangan pelajar terhadap penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan dan penilaian kendiri kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja

kumpulan dan membina hubungan.

#### **4. Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Bagi memperincikan dapatan kajian skala pengukuran skor min berikut dirujuk berdasarkan interpretasi skor min bagi Skala Likert, Landell (1977) yang digunakan oleh Abdullah et al. (2017).

Jadual 1: Tahap Kecenderungan Skor Min.

Skor min	Tahap kecenderungan
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Seramai 226 pelajar daripada Politeknik METR0 Johor Bahru terlibat dan kesemua mereka mempunyai pengalaman melalui pengajaran dan pembelajaran dalam talian, iaitu, sekurang-kurangnya satu semester pengajian secara dalam talian yang melibatkan 23% pelajar, 29.2% pelajar dengan tiga semester pengalaman manakala 47.8% pelajar dengan dua semester pengalaman.

Jadual 2: Bilangan Semester Pengalaman Pelajar Menjalani PNPDT.

Pengalaman PNPDT	Peratus Pelajar
1 semester	23.0%
2 semester	47.8%
3 semester	29.2%

##### **a. Mengenapasti pandangan pelajar terhadap penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan sepanjang pandemik COVID-19**

Kajian mendapati pelajar menerima kerja kursus penilaian berterusan secara tugas berkumpulan dengan baik dalam tempoh pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Bagi item 1, Saya suka melakukan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan mengumpul min 4.04 berada pada tahap tinggi disokong dapatan item 24, Penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan adalah baik dan perlu diteruskan juga berada pada skor min tinggi, 4.22. Ini menunjukkan walaupun interaksi dan komunikasi sesama pelajar hanya berlangsung secara dalam talian, wujud kerjasama antara mereka untuk menyelesaikan tugas. Skor min tertinggi kajian dicatatkan bagi item 23, Penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan merapatkan hubungan saya dan rakan sekelas dengan skor min 4.35 dan item 3, Saya dibenarkan untuk memilih ahli kumpulan saya bagi penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan dengan skor min 4.36. Kedua-dua item menyokong dapatan bahawa pelajar ada melakukan agihan tugas dan berjaya membina hubungan semasa bekerjasama dalam menyiapkan tugas. Ini membuktikan hasil pembelajaran tercapai bagi aspek pentaksiran psikomotor dan afektif. Dapatkan

ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Suprato (2018) yang membuktikan komunikasi secara efektif mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peningkatan pembelajaran pelajar.

Skor min terendah kajian pula dicatatkan bagi item 16, Ahli kumpulan saya mengubah kandungan tugas saya tanpa memaklumkan saya, dengan skor min 2.24. Manakala skor kedua terendah adalah item 17, Ahli kumpulan saya lambat dalam memberikan respon iaitu 2.81. Skor min rendah ini memperlihatkan kerjasama dan komitmen pelajar terhadap kumpulan adalah baik dan ini dibuktikan lagi dengan pernyataan item 5, Ketua kumpulan membahagikan tugas secara adil kepada semua ahli dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan dengan skor min tahap tinggi, 4.27. Penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan memberi autonomi kepada pelajar dalam menentukan kandungan, bentuk, agihan tugas dan penyampaian. Pensyarah hanya bertindak sebagai fasilitator dan ini membolehkan pelajar membina sendiri pengalaman pembelajaran mereka. Selain memahami kandungan pengajaran dan pembelajaran, pelajar secara tidak langsung telah terlibat dalam proses pembelajaran kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan dan membina hubungan.

Item 8, Saya mempercayai ahli kumpulan saya dan item 11, Saya yakin dengan kerja yang dihasilkan secara tugas berkumpulan adalah yang terbaik semasa tugas diantar, kedua-duanya mencatatkan skor min tahap tinggi, 4.29 dan 4.28. Meskipun berlakunya perbincangan dan agihan tugas secara tidak bersemuka, pelajar tidak berdepan masalah besar malahan mereka lebih yakin kerana dapat menyiapkan tugas bersama. Item 20, Saya lebih memahami keperluan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan kerana dapat berbincang sesama ahli kumpulan berbanding tugas individu mencatatkan skor min pada tahap tinggi 4.04 yang menyokong pandangan pelajar bahawa tugas berkumpulan adalah baik dan perlu diteruskan.

Kajian juga mendapati item-item berikut berada pada skor min tahap sederhana iaitu, item 2, Saya tidak berdepan sebarang masalah semasa melakukan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan, skor min 3.60. Item 13, Saya tertekan dalam menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan, skor min 3.24. Item 15, Saya mengalami masalah talian internet menyebabkan sukar untuk melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan, skor min 3.26. Item 14, Saya tidak mahir dalam menggunakan peralatan pengajaran dan pembelajaran dalam talian menyebabkan sukar untuk melaksanakan penilaian berterusan kursus tugas secara berkumpulan dengan skor min 2.65.

Masalah seperti tekanan, gangguan internet dan tidak mahir dalam menggunakan peralatan pengajaran dan pembelajaran dalam talian wajar diberi perhatian namun ianya tidak di tahap merunsingkan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Johor Bahru. Hal ini mungkin disebabkan oleh fleksibiliti pensyarah dalam mengadaptasi bentuk tugas. Contohnya, tugas main peranan yang digalakkan untuk dirakam menggunakan apa juga aplikasi rakaman video dan perisian suntingan video dan tidak hanya tertumpu kepada satu jenis aplikasi atau perisian. Dapatkan ini disokong oleh kajian Mailis et al. (2020) yang menyatakan penggunaan teknologi bukan lagi menjadi masalah utama untuk dikuasai oleh para pelajar memandangkan penggunaan peralatan teknologi bukanlah satu perkara yang asing dalam era globalisasi kini.

Item 9, Saya diberikan masa yang cukup untuk

menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan berkedudukan skor min tahap tinggi, 4.00, memperlihatkan pelajar tidak menerima tekanan dari segi masa menyiapkan tugasan penilaian berterusan mereka. Item 10, Saya dibimbing oleh pensyarah dalam menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan dengan skor min 4.20 menyokong adanya bimbingan daripada pensyarah kepada pelajar sepanjang mereka menyelesaikan penilaian berterusan. Kesimpulannya, meskipun pelajar mempunyai limitasi dalam menjalankan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan untuk bersemuka secara fizikal, tetapi dengan adanya teknologi terkini yang membolehkan kolaborasi berlaku secara serentak ataupun tertangguh, dalam apa jua bentuk aplikasi, perisian mahupun media sosial, pelajar boleh menerima dan melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan dengan baik.

Jadual 3: Item Pandangan Pelajar Terhadap Penilaian Berterusan Kursus Secara Tugasan Berkumpulan.

<b>Item soal selidik Skala Likert</b>	<b>Nilai Min</b>
1. Saya suka melakukan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.04
2. Saya tidak berdepan sebarang masalah semasa melakukan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	3.60
3. Saya dibenarkan untuk memilih ahli kumpulan saya bagi penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.36
4. Saya dan ahli kumpulan saya melantik ketua kumpulan untuk penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.06
5. Ketua kumpulan membahagikan tugas secara adil kepada semua ahli dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.27
6. Ahli kumpulan boleh menyatakan ketidakpuashatian dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan secara baik kepada kesemua ahli dalam kumpulan	4.15
7. Permasalahan ahli kumpulan dapat diselesaikan dengan baik dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.13
8. Saya mempercayai ahli kumpulan saya	4.29
9. Saya diberikan masa yang cukup untuk menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.00
10. Saya dibimbing oleh pensyarah dalam menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.20
11. Saya yakin dengan kerja yang dihasilkan secara tugasan berkumpulan adalah yang terbaik semasa tugasan dihantar	4.28
12. Saya mempunyai kelengkapan pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang baik untuk melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.08
13. Saya tertekan dalam menyiapkan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	3.24
14. Saya tidak mahir dalam menggunakan peralatan pengajaran dan pembelajaran dalam talian menyebabkan sukar untuk melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	2.65
15. Saya mengalami masalah talian internet menyebabkan sukar untuk melaksanakan penilaian berterusan kursus tugasan secara berkumpulan	3.26
16. Ahli kumpulan saya mengubah kandungan tugas saya tanpa memaklumkan saya	2.24
17. Ahli kumpulan saya lambat dalam memberikan respon	2.81
18. Saya suka berada dalam kumpulan yang sama bagi melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.04
19. Saya lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan berbanding tugasan individu	3.83
20. Saya lebih memahami keperluan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan kerana dapat berbincang sesama ahli kumpulan berbanding tugasan individu	4.04

21. Saya percaya saya menyumbang kepada kejayaan kumpulan saya dalam penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan	4.12
22. Penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan meningkatkan motivasi saya dalam pengajaran dan pembelajaran	4.13
23. Penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan merapatkan hubungan saya dan rakan sekelas	4.35
24. Penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan adalah baik dan perlu diteruskan	4.22

Kajian meninjau medium dan juga peralatan/peranti yang digunakan oleh pelajar semasa menyelesaikan tugasan bagi penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan. 95.1% pelajar memilih untuk berkomunikasi dengan ahli kumpulan menggunakan WhatsApp. 91.2% pelajar memilih menggunakan peranti telefon pintar dalam menyiapkan tugasan mereka. WhatsApp merupakan medium yang bersifat mesra pengguna kepada pelajar dan adalah medium yang sedia ada dalam telefon pintar yang digunakan mereka. Medium kolaborasi seperti Microsoft Teams digunakan sebanyak 60.6% pelajar. Perisian Microsoft Teams juga boleh diakses menggunakan telefon pintar. Pelajar juga terdedah kepada medium kolaborasi Google Drive seperti Docs, Sheets dan Slides yang membolehkan kemaskini dilakukan oleh mananya pelajar yang mempunyai akses kepada dokumen secara serentak. 90.3% pelajar menyatakan mereka menggunakan komputer/komputer riba dalam menyiapkan tugasan. Ini secara tidak langsung menyokong bahawa isu memiliki peralatan/peranti teknologi di kalangan responden bukan masalah dalam melaksanakan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan. Bagi capaian internet, 44.2% pelajar menggunakan capaian internet rumah manakala 63.7% pelajar menggunakan capaian internet telefon pintar.

Jadual 4: Medium Komunikasi Kumpulan.

Medium untuk berkomunikasi dengan ahli kumpulan	Peratus
WhatsApp	95.1%
Microsoft Teams	60.6%
Panggilan Telefon	43.4%
Google Meet	23.9%
CIDOS	22.1%
Google Drive (Docs, Sheets, Slides)	17.7%
Lain-lain media sosial (LINE, KAKAO, WECHAT, INSTAGRAM)	11.9%
Email	9.7%
Facebook Messenger	0.4%

Jadual 5: Peralatan/Peranti Digunakan.

Peralatan/peranti untuk menyiapkan penilaian kursus secara tugasan kumpulan	Peratus
Telefon pintar	91.2%
Komputer/ Komputer Riba	90.3%
Capaian Internet Telefon Pintar	63.7%
Capaian Internet Rumah	44.2%
Peralatan Rakaman	24.8%
Mesin Cetak	16.8%
Tablet	12.4%

Azhari dan Ming (2015) dalam Akhiruddin (2020) mengatakan pembelajaran secara dalam talian dapat berjalan dengan lancar berdasarkan platform dan medium yang digunakan oleh pendidik. Hasil kajian sama mendapati pihak universiti perlu meningkatkan tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari pembelajaran secara dalam talian seperti penggunaan dan ketersediaan teknologi, komputer dan keberkesanan internet, dan pembelajaran kendiri (Adams et al., 2018).

*b. Mengenapasti perspektif pelajar bagi kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan membina hubungan yang diperolehi semasa menjalankan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan sepanjang pandemik COVID-19*

Dapatkan kajian memperlihatkan pelajar setuju bahawa pelaksanaan penilaian berterusan secara tugasan berkumpulan dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan mereka. Kesemua item di bawah sub kemahiran kepimpinan mencatatkan peratusan melebihi 50% dengan sub kemahiran kepimpinan tertinggi ialah Tanggungjawab menjalankan tugas dengan 90.7%. Pelajar menjadi lebih peka bahawa sekiranya mereka tidak melakukan tugasan mereka, ianya akan melibatkan keputusan penilaian berterusan kursus keseluruhan ahli kumpulan dan bukan mereka sebagai individu.

Jadual 6: Item Sub Kemahiran Kepimpinan.

Sub kemahiran kepimpinan	Peratus pelajar
Tanggungjawab menjalankan tugas	90.7%
Kebolehan menyelesaikan masalah	75.7%
Komunikasi berkesan	66.4%
Keupayaan membuat keputusan	63.7%
Yakin diri	61.9%
Kepuasan menjalankan tugas	55.8%

Pelajar juga berpandangan kemahiran komunikasi mereka bertambah baik dengan pelaksanaan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan, dengan item tertinggi, *Bertolak ansur dalam mendengar pandangan orang lain* iaitu 79.6% pelajar.

Jadual 7: Item Sub Kemahiran Komunikasi.

Sub Kemahiran Komunikasi	Peratus pelajar
Bertolak ansur dalam mendengar pandangan orang lain	79.6%
Berani menyatakan pandangan dan melontarkan idea	74.3%
Mendengar secara terbuka dan menyampaikan mesej dengan baik	70.8%
Berkeyakinan tinggi untuk berkomunikasi di khalayak ramai	62.8%
Boleh berkomunikasi dengan pelbagai lapisan	53.5%

Bagi sub kemahiran kerja berpasukan, ianya dilihat di tahap sederhana dengan peratusan terendah dicatatkan bagi item, *Berkecenderungan tinggi dalam membina identiti kumpulan* iaitu melibatkan 47.3% pelajar. Item tertinggi dicatatkan bagi *Mempunyai komitmen kerja yang tinggi* dengan 73% pelajar.

Jadual 8: Item Sub Kemahiran Kerja Kumpulan.

Sub Kemahiran Kerja Berpasukan	Peratus pelajar
Mempunyai komitmen kerja yang tinggi	73.0%
Boleh menggerakkan ahli kumpulan secara aktif	65.5%
Berkongsi penghargaan yang diberikan bersama-sama ahli kumpulan yang lain	60.2%
Mempunya semangat kekitaan yang sangat tinggi	57.1%
Sedia membina reputasi kumpulan	51.8%
Berkecenderungan tinggi dalam membina identiti kumpulan	47.3%

Seterusnya bagi sub kemahiran membina hubungan dapatkan kajian menunjukkan pelajar di tahap sederhana bagi item *Berupaya membuat jaringan sosial yang luas* iaitu 51.8% pelajar. Ini menunjukkan pelajar gemar berada dalam kumpulan yang sama dalam melaksanakan tugas berkumpulan. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan item *Mengekalkan persahabatan menerusi sikap saling menghargai dan bertolak ansur* yang dicatatkan pada 75.7% pelajar.

Jadual 9: Item Sub Kemahiran Membina Hubungan.

Sub Kemahiran Membina Hubungan	Peratus pelajar
Mengekalkan persahabatan menerusi sikap saling menghargai dan bertolak ansur	75.7%
Membina hubungan tanpa mengira bangsa, agama, taraf hidup dan taraf pendidikan	70.4%
Membina hubungan yang saling memberi faedah	67.3%
Membina hubungan yang positif dalam persekitaran sosial	65.9%
Berupaya membuat jaringan sosial yang luas	51.8%

Meskipun dapatan soal selidik menunjukkan penilaian kendiri pelajar berlakunya peningkatan

kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan dan membina hubungan semasa menyelesaikan penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan, terdapat data berbentuk kualitatif yang dikongsikan oleh responden yang wajar diberi perhatian. Azizi dan Kamisah (2018) menegaskan guru atau pensyarah hendaklah memberi maklumbalas segera dalam memperbaiki pencapaian pada domain pengetahuan, psikomotor dan afektif mengikut hasil pembelajaran.

Pandangan 1;

*“Saya bercadang supaya IPT untuk mengurangkan tugasan secara berkumpulan dan lebih menumpukan aktiviti atau tugasan secara individu. Kadangkala, sesetengah ahli kumpulan tidak memberi sumbangan idea dan tidak membuat tugas tersebut dengan bersungguh-sungguh sehingga ketua kumpulan perlu mengalah dan menyiapkan bahagian ahli kumpulan tersebut. Bagi saya, perkara ini sangat tidak adil bagi mereka yang terpaksa berusaha lebih untuk mendapatkan markah yang terbaik manakala ahli kumpulan yang lain hanya buat sambil lewa. Walaupun perkara ini boleh ditangani dengan memberitahu para pensyarah tetapi tindakan ini tidak dapat membantu 100% malah mungkin boleh mengeruhkan lagi keadaan dan hubungan kawan antara ahli kumpulan. Saya mohon pihak atasaran boleh menitikberatkan perkara ini. Terima kasih”*

Pandangan ini secara peribadinya memilih untuk melakukan tugas secara individu. Kajian tidak dapat membuktikan faktor yang menyebabkan pelajar lebih terarah kepada tugasan secara individu. Kajian lain yang melihat kepada faktor permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan penilaian berterusan kursus secara tugasan berkumpulan dicadangkan untuk dilakukan di masa hadapan.

Pandangan 2;

*“Sebabkan Belajar Online, kita tak kenal langsung perangai atau ragam ahli kumpulan. So susah nak sekepala/berkomunikasi”*

Pandangan kedua pula menyatakan wujudnya jurang dalam mengenali rakan sekelas masing-masing kerana tiadanya atau kurangnya interaksi sosial secara fizikal sesama mereka yang mana juga mungkin menjadi faktor mengapa pelajar merasakan tugasan secara berkumpulan adalah sukar dijalankan. Pandangan ini disokong oleh kajian Mailis et al. (2020), kekangan komunikasi di antara para pelajar yang menjadi faktor kurangnya interaksi antara rakan sekursus memandangkan responden dalam kajian ini berada di dalam semester satu.

Dapatkan sama juga dinyatakan oleh pandangan 3; *“kurang efektif kerana tidak bersemuka”*

Walau bagaimanapun, kebanyakan responden

memilih untuk tidak menulis apa-apa komen di ruangan yang disediakan dan ada responden yang berpendapat penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan adalah pilihan yang baik. Hal ini kerana pelajar merasakan mereka tidak bersendirian dalam menyelesaikan tugas yang diberikan dan mereka boleh berbincang sesama ahli kumpulan berbanding tugas individu.

#### Pandangan 4;

*“Kerja secara dalam kumpulan adalah cara yang baik semasa pandemik ini”*

#### Pandangan 5;

*“meningkatkan tahap komunikasi dgn kawan dgn lebih baik”*

#### Pandangan 6;

*“Dalam kerja kumpulan kita boleh berkomunikasi dengan banyak dan lebih baik daripada kelas face to face”*

Menurut Maimun et al. (2021), penggunaan kaedah berasaskan projek akan membantu murid memberikan idea-idea konseptual serta kemahiran yang sukar dicapai melalui kaedah lain. Dapatkan disokong kajian Mohsin (2021), kaedah berasaskan projek dapat memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam dalam pembelajaran, terdedah dengan senario pekerjaan sebenar, mempelajari kemahiran intra dan interpersonal serta pelajar bebas menyiapkan tugas walaupun terikat dengan jangka masa dan skop tertentu yang ditetapkan oleh guru. Pelajar juga didapati merasa seronok dan puas semasa dan selepas melaksanakan projek yang diberikan. Kajian mencadangkan sesi pengajaran dan pembelajaran kolaborasi boleh lebih kerap diperlakukan untuk merapatkan atau memberi peluang kepada pelajar untuk lebih mengenali rakan-rakan mereka supaya mereka dapat memilih ahli kumpulan dengan lebih baik atau bersetujuan.

### 5. Kesimpulan

Penilaian berterusan kursus secara tugas berkumpulan adalah baik berdasarkan pandangan pelajar Politeknik METR0 Johor Bahru sepanjang Pandemik COVID-19. Kemahiran generik seperti kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan dan membina hubungan juga baik dalam suasana pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Seperti yang telah dinyatakan, pengkaji merasakan kajian perlu dijalankan dengan lebih mendalam terhadap pelaksanaan penilaian kursus dalam talian. Ini dapat menambah baik kaedah penilaian kursus mengikut norma baru.

### Rujukan

Abdullah, A. H., Hamzah, M. H., Hussin, R. H. S. R., Kohar, U. H. A., Abd Rahman, S. N. S., & Junaidi, J. (2017, December). Teachers' readiness in implementing science, technology, engineering

and mathematics (STEM) education from the cognitive, affective and behavioural aspects. In *2017 IEEE 6th International Conference on Teaching, Assessment, and Learning for Engineering (TALE)* (pp. 6-12). IEEE.

Abu Bakar, R., Ismail, C. Z., Abu Bakar, A. F., & Abd Aziz, N. (2019). Mekanisme penilaian kursus dan hubungannya dengan penerimaan pelajar terhadap kursus CTU di UiTM. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 75-92.

Azizi Alias dan Kamisah Osman (2018). Pentaksiran Alternatif: Pembinaan dan Pelaksanaan Rubrik dalam Pendidikan Sains. *Penerbit UKM Bangi*.

Gani, M. I. A., Abdulah, N. A., & Aziz, N. H. A. (2020). Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi Sepanjang Pandemik Covid-19.

Hassan, S. A. A. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (Epembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1-14.

Ibrahim, M. A. (2020). Teknik Pengajaran Dan Kaedah Penilaian Kursus Tafsir Alquran Dalam Suasana Pandemik Covid-19: Kajian Terhadap Kepuasan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.

Lubis, M. A., Kamis, M. S., MPd, Z., Usiono, M. A., Taib, S. H., & Lubis, M. M. I (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 4(1), 75-91.

Mailis, M. I., Hanim, Z. H., & Hassan, N. H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 88-99.

Manap, M. H. A., Haron, Z., & Othman, N. (2020). Penilaian Pelaksanaan Program Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi (School Alternative Assessment Programme (PASR) Implementation Evaluation In Special Education Integrated School). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 45(1SI), 9-16.

- Mohsin, N., Halili, S. H., & Razak, R. A. (2021). Persepsi Penglibatan Pelajar Dalam Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berbalik Secara Mobile. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 26-33.
- Muhamad Rahimi Osman (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM MALIM. *SEA Journal a/General Studies II*, 7.
- Muhamad, M. B., Shekhidi, N. R. B. M., & Ahmad, N. B. (2019). Keberkesanan Pertandingan Penghasilan Pelan/Peta Dalam Proses Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Kursus DCG2052 (Kartografi). *Journal on Technical and Vocational Education*, 4(3), 99-105.
- Ngadi, E. (2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Diakses September 17, 2021, daripada <http://usim.edu.my/COVID19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian>.
- Othman, A. S. (2013). Manual Pembangunan Kurikulum Program Pengajian Politeknik. Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sabidin, F. (2002). Perlaksanaan Penilaian Berterusan Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Di Politeknik Johor Bahru. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Yusoff, A. F. M., Yaacob, N., & Mokter, M. (2019). Penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di politeknik. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.